



SINGAPORE – CAMBRIDGE
General Certificate of Education Normal (Academic) Level

BAHASA MELAYU

1197/2

Kertas 2

MALAY

Paper 2

SPECIMEN PAPER

With effect from 2024 examination

1 hour 30 minutes

Additional Materials: Answer Booklet

ARAHAN UNTUK CALON

1. Baca arahan yang diberikan bagi tiap-tiap bahagian dengan teliti dan jawab soalan seperti yang diarahkan.
2. Jawab semua soalan. Tulis jawapan atau lorek bujukan berhuruf berdasarkan jawapan pilihan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.
3. Kamu tidak dibenarkan membawa Buku Jawapan keluar.

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman kosong.



Singapore Examinations and Assessment Board

BLANK PAGE

BAHAGIAN A (10 MARKAH)

Arahan: Pilih sepatah perkataan yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan untuk mengisi tempat kosong dalam teks-teks berikut. Kemudian, lorek bujuran berhuruf di dalam Buku Jawapan yang disediakan berdasarkan jawapan pilihan kamu itu.

Teks 1

(A) dimanfaatkan	(B) diperhatikan	(C) lebih
(D) penghambat	(E) sangat	(F) segera
(G) singkat	(H) terbatas	

Perkhidmatan menghantar makanan semakin mendapat tempat dalam kalangan penduduk Singapura. Ternyata, kehidupan yang semakin sibuk menyebabkan ramai orang sanggup mengeluarkan belanja yang **(1)** _____ besar untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut.

Kini, perkhidmatan menghantar makanan turut **(2)** _____ oleh restoran-restoran terkemuka. Dengan cara ini, menikmati hidangan restoran tidak lagi **(3)** _____, iaitu hanya di restoran.

Kawasan penghantaran juga tidak menjadi **(4)** _____ kerana kawasan tersebut telah diluaskan. Bahkan, penghantaran makanan dapat dibuat dalam masa yang **(5)** _____ untuk menarik orang ramai agar menggunakan perkhidmatan ini. Tidak hairanlah perkhidmatan menghantar makanan semakin popular.

(lihat halaman sebelah)

Teks 2

(A) atas	(B) jualan	(C) mahupun
(D) melindungi	(E) menghangatkan	(F) meskipun
(G) pasaran	(H) tinggi	

Selendang boleh didapati dalam pelbagai saiz, bentuk dan warna. Selendang digunakan oleh wanita, baik sebagai tudung **(6)** _____ hiasan di bahu. Antara jenis selendang yang digemari ialah selendang Kashmir. Selendang yang dihasilkan untuk **(7)** _____ tempatan dan luar negara ini turut digunakan untuk **(8)** _____ tubuh daripada kesejukan. Bulu yang diperoleh daripada kambing biri-biri yang tinggal di kawasan tanah yang **(9)** _____ dan dingin di Kashmir, India, digunakan untuk menghasilkan selendang tersebut.

Yang menariknya, **(10)** _____ selendang Kashmir diminati oleh kaum wanita, penyulam dan penenun selendang ini selalunya terdiri daripada kaum lelaki. Motif utama yang sering digunakan untuk menghias selendang Kashmir ialah motif tumbuh-tumbuhan.

BAHAGIAN B (20 MARKAH)**Soalan B1 (10 markah)**

Arahan: Isi setiap tempat kosong dalam dialog di bawah ini dengan frasa yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, lorek bujuran berhuruf di dalam Buku Jawapan yang disediakan berdasarkan jawapan pilihan kamu itu.

- (A) bukti yang kukuh
- (B) kesedaran yang cukup
- (C) amat cetek pengetahuan
- (D) mementingkan dirinya sahaja
- (E) boleh menyinggung perasaan orang lain
- (F) sebelum membuat sembarang kesimpulan
- (G) menghadang penumpang yang ingin keluar masuk
- (H) tidak mendatangkan faedah kepada penumpang lain

Farah : Aidil, lihat penumpang-penumpang yang berdiri berdekatan dengan pintu masuk kereta api MRT ini. Bukankah tindakan mereka itu **(11)** _____?

Aidil : Biasalah, Farah. Selepas waktu pejabat, kereta api MRT pasti sesak.

Farah : Saya kasihan melihat wanita yang mendukung anak kecil itu. Tiada seorang pun yang memberikan tempat duduk, lebih-lebih lagi lelaki yang berbadan tegap itu. Pada pendapat saya, dia **(12)** _____.

Aidil : Awak tidak boleh beranggapan sedemikian tanpa **(13)** _____. Mungkin kakinya sakit. Awak lihat. Dia telah bangun dan berjalan terhincut-hincut.

Farah : Benar kata awak, Aidil. Saya sepatutnya berfikir dahulu **(14)** _____. Ternyata, saya tidak berhati-hati semasa bertutur.

Aidil : Sememangnya, perbuatan awak itu **(15)** _____.

Farah : Saya berjanji tidak akan mengulang kesilapan saya.

(lihat halaman sebelah)

Soalan B2 (10 markah)

Arahan: Baca teks-teks berikut dengan teliti.

Teks 1

Pesta Hari Kebangsaan 2024

Penduduk Estet Cendana



**Datanglah
beramai-ramai!**

Ahad, 27 Ogos 2024
8.00 pagi – 6.00 petang
Kawasan Tanah Lapang
Berhadapan dengan Blok 602



**Masuk
Percuma!**

**Usah lepaskan peluang untuk menyaksikan
konsert Hari Kebangsaan pada jam 10.00 pagi.**



**Saksikan acara pembukaan
yang menampilkan
tarian pelbagai bangsa.**



Pelbagai persembahan yang pasti menghiburkan!

**Ayuh, kita sambut kedatangan tetamu terhormat, Encik Kamal Fadli,
Penasihat Taman Cendana!**

Kedatangan beliau akan diiringi paluan pelbagai jenis gendang.



Turut diadakan:

- persembahan oleh Pancaragam Mahligai
- nyanyian oleh Koir Kanak-kanak Gemilang



<p style="text-align: center;">PEMERIKSAAN KESIHATAN</p> <p style="text-align: center;">9.00 pagi – 12.00 tengah hari</p> <p>Dapatkan nasihat tentang penjagaan kesihatan daripada pegawai kesihatan yang bertugas.</p> 	<p style="text-align: center;">AISKRIM PERCUMA!</p> <div style="text-align: center;">  </div> <p style="text-align: center;">Pilihan aiskrim tiga perisa.</p> <p style="text-align: center;">Dapatkan di gerai nombor 44.</p>
--	--

Anda ada pertanyaan untuk Encik Kamal Fadli?

Ayuh, turut serta dalam sesi temu bual semasa jamuan tengah hari!
Sila daftarkan diri di laman www.phk24ec.com atau
e-mel kepada phk24ec@kgoomail.com.

Hanya pengunjung yang mendaftarkan diri boleh turut serta.

Arahan: Berdasarkan teks yang diberikan, jawab soalan-soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Kemudian, lorek bujuran berhuruf di dalam Buku Jawapan yang disediakan berdasarkan jawapan pilihan kamu itu.

16 Kegiatan yang diadakan untuk menyambut kedatangan tetamu terhormat ialah _____.

- (A) tarian pelbagai bangsa
- (B) paluan pelbagai jenis gendang
- (C) persembahan oleh Pancaragam Mahligai
- (D) nyanyian oleh Koir Kanak-kanak Gemilang

17 Syarat dikenakan kepada para pengunjung yang ingin _____.

- (A) menyaksikan konsert
- (B) menjalani pemeriksaan kesihatan
- (C) melibatkan diri dalam sesi temu bual
- (D) mendapatkan aiskrim secara percuma

(lihat halaman sebelah)

Teks 2

Santorini ... destinasi impian

Laman Utama

Tempat Menarik

Makanan Popular

Aktiviti Menarik

Santorini merupakan pulau yang terletak di Greece. Sememangnya, pemandangan di pulau itu menjadi kebanggaan negara tersebut. Susunan bangunannya sering menjadi bualan di seluruh dunia. Bangunan-bangunan di pulau itu kelihatan agak serupa kerana hampir kesemuanya berwarna putih dan hanya dipadankan dengan warna biru. Gabungan warna yang mempesonakan itu mencerminkan keindahan lautan biru yang mengelilingi pulau tersebut.



Santorini juga terkenal dengan landskapnya. Menurut legenda, pulau itu terbentuk daripada ketulan tanah yang dilemparkan ke laut dari sebuah kapal. Sebenarnya, keseluruhan pulau itu merupakan gunung berapi yang masih aktif hingga kini. Bentuk bulan sabit Santorini terhasil daripada beberapa ledakan gunung berapi yang dahsyat yang berlaku pada masa lampau. Sebahagian pulau itu pula kelihatan seperti dinding raksasa yang muncul dari permukaan laut.



Sejarah masa silam Santorini pula cukup menarik. Sejak tahun 1960-an hingga kini, ahli arkeologi yang menjalankan kajian telah menemukan artifak zaman prasejarah di pulau itu. Artifak tersebut masih dalam keadaan yang baik kerana dilitupi abu daripada ledakan gunung berapi selama berabad-abad. Malah, terdapat artifak kayu yang masih terpelihara. Orang ramai mempercayai bahawa tempat artifak itu ditemui merupakan Atlantis, kota legenda yang terkenal yang disebut-sebut dalam teks-teks lama.

Arahan: Berdasarkan teks yang diberikan, jawab soalan-soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Kemudian, lorek bujukan berhuruf di dalam Buku Jawapan yang disediakan berdasarkan jawapan pilihan kamu itu.

- 18** Ciri bangunan-bangunan di Santorini yang menggambarkan keindahan alam semula jadi pulau itu ialah _____.
- (A) warnanya
 - (B) susunannya
 - (C) kesamaannya
 - (D) kedudukannya
- 19** Ledakan gunung berapi meninggalkan bukti yang nyata. Bukti tersebut dapat dilihat melalui _____.
- (A) legenda tentang pulau itu
 - (B) bentuk bulan sabit pulau itu
 - (C) dinding raksasa yang terdapat di pulau itu
 - (D) gunung berapi yang masih aktif di pulau itu
- 20** Sejarah masa silam Santorini boleh dikatakan terjaga kerana _____.
- (A) pulau itu telah disebut-sebut dalam teks-teks lama
 - (B) keadaan artifak kayu yang ditemui di pulau itu masih baik
 - (C) ahli arkeologi telah mengkaji pulau itu sejak tahun 1960-an
 - (D) abu daripada letupan gunung berapi telah meliputi artifak pulau itu

(lihat halaman sebelah)

BAHAGIAN C (30 MARKAH)

Arahan: Baca teks di bawah ini dengan teliti.

Teman-teman sepejabat Rizal memerhatikan Rizal yang tidak senang duduk sejak tadi. Mesyuarat akan dimulakan sebentar lagi. Pasti Rizal berasa gemuruh. Maklumlah, dia telah diberi peluang kedua untuk membuktikan kebolehnya.

Semasa mesyuarat, Rizal membuat pembentangan dengan sebaik mungkin. Dia berharap pihak pengurusan menerima saranannya kali ini. Beberapa orang temannya mengangguk-angguk tanda mereka bersetuju dengan saranannya. Malah, beberapa orang pihak pengurusan turut menunjukkan minat. Bagi Rizal, itu petanda yang baik. 5

“Moga-moga, anggapan aku betul,” bisik hati kecil Rizal.

Tiba-tiba, Rizal terpandang Azri. Azri kelihatan tekun mendengar pembentangannya. Rizal mula berasa tidak selesa. 10

“Syabas, Rizal! Pembentangan awak tadi hebat!” puji Azri.

Rizal tersentak. Lazimnya, Azri lah yang akan menentang pandangannya. Sebaliknya, kali ini, Azri turut mahu melibatkan diri dalam projek yang diketuai oleh Rizal.

“Entah-entah, dia hendak mendapat nama jika projek ini berhasil. Mungkin juga Azri sengaja hendak menunjukkan kepada semua orang bahawa dia tidak ada masalah bekerja dengan aku. Bukankah satu pejabat tahu bahawa hubungan kami tidak baik?” kata Rizal kepada temannya, Imran. 15

Imran hanya mendiamkan diri. Nampaknya, usaha Azri untuk berbaik semula dengan Rizal tidak akan berhasil.

Keadaan bertambah buruk apabila Rizal mendapat tahu bahawa Azri akan mengambil alih projek yang diketuai oleh Rizal disebabkan pengalamannya yang luas. Selain itu, terdengar pula desas-desus bahawa Azri akan dinaikkan pangkat jika projek itu berhasil. 20

Azri sedar bahawa Rizal tidak berpuas hati. Sebenarnya, Azri tidak mahu mengetuai projek tersebut tetapi pihak pengurusan tetap mahu Azri melakukannya. Azri cuba menerangkan keadaan yang sebenar kepada Rizal. Malangnya, Rizal enggan mendengarnya. Malah, tangan Azri ditepis dengan kasar semasa Azri cuba menghalangnya daripada meninggalkan tempat itu sehingga Azri hilangimbangan lalu terjatuh. 25

Nasihat Imran turut tidak dihiraukan. Bagi Rizal, dialah yang **layak** mengetuai projek itu. Akhirnya, disebabkan keinginannya tidak tercapai, Rizal mahu meletakkan jawatan. Bahkan, dia juga memikirkan cara untuk menjatuhkan Azri agar Azri dibuang kerja. 30

“Rizal, jika dua orang pekerja yang baik tidak dapat bekerjasama, saya rasa sayang sekali kerana ilmu dan kemahiran yang ada tidak dapat digunakan dengan sebaik mungkin. Usahlah awak mementingkan diri sendiri. Fikirkanlah betapa pentingnya projek ini untuk masyarakat umum. Sikap awak benar-benar mengecewakan saya,” tegur Imran sebelum dia berlalu pergi. 35

Rizal terdiam sejenak. Benar kata Imran. Jelaslah, sikap iri hatinya terhadap kejayaan Azri telah mengaburi matanya. Rizal kesal kerana bersikap keterlaluhan. Yang pasti, sesat surut, terlangkah kembali. Rizal perlu menebus kesilapannya.

Arahan: Berdasarkan teks yang diberikan, jawab soalan-soalan berikut. Kemudian, tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

- 21 Berikan bukti yang menunjukkan bahawa Rizal berasa resah sebelum mesyuarat bermula. (3 markah)
- 22 Apakah anggapan Rizal selepas dia membuat pembentangan? (3 markah)
- 23 Rizal mencurigai Azri yang ingin turut terlibat dalam projek yang diketuainya. Nyatakan kesimpulan yang dibuat oleh Rizal terhadap tindakan Azri itu. (5 markah)

	Kesimpulan Rizal terhadap tindakan Azri
(a) Projek yang diusahakan bersama	
(b) Hubungan antara Rizal dan Azri	

- 24 Nyatakan sama ada setiap pernyataan tentang Azri di bawah ini betul atau salah. Kemudian, berikan bukti. (5 markah)

Pernyataan	Betul atau Salah	Bukti
(a) Azri dihormati oleh rakan sekerjanya.		
(b) Azri akan dinaikkan pangkat jika projeknya berjaya.		

- 25 Rizal mempamerkan sikap-sikap yang tidak patut dicontohi. Buktikan. (5 markah)

Sikap	Bukti
(a) Degil	
(b) Mementingkan diri sendiri	

- 26 Rizal kesal kerana bertindak keterlaluan. Apakah tindakan Rizal yang keterlaluan itu? (5 markah)

(lihat halaman sebelah)

Arahan: Terdapat perkataan dalam teks yang mempunyai maksud yang sama dengan frasa di bawah. Kenal pasti perkataan tersebut.

27 ditolak dengan menggunakan tangan (2 markah)

Arahan: Terangkan maksud perkataan berikut berdasarkan penggunaannya dalam teks.

28 layak (baris 29) (2 markah)

Selesai

Copyright Acknowledgements:

Soalan B2 Teks 1
Photographs

© Microsoft Word - Icons; © SEAB

Soalan B2 Teks 2
Photographs

© Amalina N Tugiran, 2019

The Singapore Examinations and Assessment Board has made every effort to trace copyright holders, but if we have inadvertently overlooked any, we will be pleased to make the necessary arrangements at the first opportunity.